

30/01/2000

Penyebar berita palsu boleh kena tindakan

TAIPING: Penyebar berita palsu kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cedera terjatuh dari kuda ketika bercuti di Argentina boleh dikenakan tindakan jika polis mempunyai bukti kukuh mengenainya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata mengikut peraturan sedia ada polis boleh bertindak terhadap sesiapa yang menyebarkan berita palsu itu kerana menggugat keselamatan dalam negeri.

Menurutnya, tindakan boleh diambil kerana kegiatan itu menjejaskan keselamatan rakyat dan negara ini.

"Penyebaran fitnah seperti itu, termasuk fitnah yang boleh melagakan antara kaum dan agama dalam negara, kemudian disebar melalui Internet, surat layang dan pelbagai (cara) lagi, adalah amat serius.

"Kegiatan itu boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman negara serta rakyat, maka kerajaan akan ambil tindakan sewajarnya terhadap mereka," katanya selepas merasmikan perbarisan tamat latihan kursus asas warder ke-12 di Pusat Latihan Pegawai Penjara Malaysia (Pulapen), di sini semalam.

Seramai 240 orang pelatih tamat kursus itu yang kali pertama dipendekkan kepada 14 minggu daripada 18 minggu sebelum ini. Hadir sama Ketua Pengarah Penjara, Datuk Omar Mohd Dan.

Zainal Abidin mengulas laporan agensi berita asing sebelum ini yang melaporkan Dr Mahathir terjatuh dari kuda dan cedera ketika bercuti di sebuah ladang di pinggir Buenos Aires di Argentina.

Berikutan itu, Dr Mahathir yang diwawancara di London, Khamis lalu selepas bercuti di Kepulauan Carribean, menyifatkan khabar angin mengenai kesihatan, malah kematiannya, sebagai pembohongan yang lazim dilakukan pembangkang.

Zainal Abidin berkata, sepatutnya sesuatu maklumat mengenai Perdana Menteri hendaklah diperoleh daripada Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, atau sekurang-kurangnya Ketua Polis Negara, dan bukannya khabar angin atau Internet yang tidak diyakini kesahihannya.

"Mereka (pemimpin kerajaan terbabit) diyakini tahu sama ada berita itu benar atau tidak benar," katanya.

Beliau juga berkata, media massa harus memastikan berita palsu dan sensasi seperti itu tidak disebar sehingga menjadi perbualan orang ramai.

"Yang sebar berita palsu ini bukan pegawai kerajaan, bukan polis dan bukan orang berkaitan dengan kerajaan, tetapi orang di luar kerajaan.

"Oleh itu, media massa harus memberi kerjasama dengan memberi maklumat tepat serta mendapatkan sumber-sumber daripada pihak berkaitan," katanya.

(END)